

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home > Berita Harian > 6 September 1964 > Page 9 > Fatimah jadi keluarga TV

Fatimah jadi keluarga TV

Berita Harian, 6 September 1964, Page 9

Article also available on Microfilm Reel NL4339

★ Add to Citation

< Previous Article

Next Article >

< Previous Page

Next Page >

Fatimah jadi keluarga TV

Oleh

BAHYAH MAHMUD

FATIMAH YASSIN —pelakon drama pentas, talivishen dan radio di-Singapura—kini telah menerima jawatan baru dalam Perkhidmatan Telivishen selaku juru hebah dalam siaran2 TV. Sa-belum itu Fatimah bertugas sa-bagai guru. Perubahan jawatannya ini-lah yang mendorong saya untuk menemui Fatimah.

Sewaktu di-temui, Fatimah menerangkan: "Perubahan dan perolehan jawatan ini tidak bererti saya sudah bosan dengan mengajar, tidak sa-kali2. Sekadarkan saya ingin berbakti kepada dunia seni menerusi lakonan saya di-TV."

"Tidak-kah Fatimah merasa rugi meninggalkan dunia perguruan?" saya bertanya.

"Soal rugi ta' timbul," kata Fatinah, "tapi saya berpendapat melalui siaran talivishen, saya akan dapat memberikan khidmat sa-chara lebih berke-

Information

Newspaper:
Berita HarianDate:
6 September 1964Reel Number:
NL4339

Share

Table of Contents

< Previous Page 9 >

Peluang jadi pelakun radio

Peluang jadi pelakun radio Iporaii dkakitar Radio Malaysia menchari dan memimpin bakat2 baharu Oleh

Fatimah jadi keluarga TV

Fatimah jadi keluarga TV Oleh BAHYAH MAHMUD
FATIMAH YASSIN —pelakon drama pentas, talivishen

Ikut jejak M. Hussain

Ikut jejak M. Hussain R. ZULKARNAIN \\\-HARI sa-telah "Exposisi Seni Liikis Nla.la.ysla re.smikan oleh Perdana

TARI!

View Full Table of Contents >

san."

BANGKU

Fatimah Yassin mulai menjadi guru dalam tahun 1957, sa-telah tamat latehan di-Maktab Perguruan Singapura dan beroleh pingat kepujian.

Ketika di-bangku sekolah, Fatimah di-kenali sebagai penuntut yang paling chergas mengambil bahagian dalam kegiatan2 belia yang di-usahakan oleh berbagai2 persatuan budaya dan pelajaran di-negeri ini, antara-nya ia-lah Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu.

Fatimah juga turut memperjuangkan nasib pelajar2 Melayu Singapura, supaya mendapat layanan yang sama dengan penuntut2 bangsa lain.

Fatimah merupakan pelakon wanita yang pertama sa-kali mencheborkan diri dalam drama pentas di-Singapura dalam cerita "Pembukaan Singapura" walau pun lakonan Fatimah ketika itu agak kekok,

tetapi bagi pengarah-nya "sudah chukup memuaskan".

Sejak sa'at itu Fatimah mendapat asohan dan dorongan dari pelakon2 yang lebeh terkemuka dan mempunyai pengalaman yang tinggi dalam bidang ini.

Fatimah merasa begitu terhutang budi kepada pengarah Bani Buang, kerana tunjok ajar-nya dari semasa ka-semasa.

Fatimah ke mudian-nya mendapat kesempatan berlakon dalam ranchangan sandiwara radio dalam tahun 1958. Dan se'ak itu Fatimah terus menerus diambil berlakon dalam sandiwara2 radio.

Sa-laku pelakon pentas yang punya banyak pengalaman dan merasa pahit maong-nya hidup sa-bagai saorang pelakon pentas.

Satu peristiwa yang sukar di-lupakan ia-lah ketika berlakon dalam drama "MEGA MENDONG" karya sdra Rahman Abu untuk memungut derma keluarga A.R. Tahir. Dia berlateh dengan baik tetapi

bila tiba hari pementasan, serta merta dia demam. Kerana terlalu suntok untuk mencari orang ganti dalam sakit2 itu Fatimah terpaksa juga berlakon di atas pentas.

Sejak perkhidmatan talvishen di-Singapura dimulakan di-negeri ini, Fatimah telah di-minta mengambil bahagian dalam drama2 TV. Menurut penerbit TV, Sdra Zain Mahmud Fatimah ia-lah "pelakon agong di-TV".

Di-antara drama2 TV yang pernah Fatimah turut berlakon ia-lah "AWAL DAN MIRA", "MALAM JAHANAM", "ATAP GENTING ATAP RUMBIA", "CLEOPATRA," "TEPOK2 AYER DI-DULANG" dan beberapa buah lagi.

"Kalau di-izinkan Tuhan, tugas baru Mah itu akan mah jalankan dengan sempurna untuk mencapai chita2 Mah meninggikan taman seni kita supaya sa-jajar dengan bangsa2 yang bertemadun di-dunia ini," kata Fatimah.



FATIMAH YASSIN

Related Articles

No related article found.



National Library Board
Singapore



Report Vulnerability ☐ Terms of Use Linking Disclaimer Privacy Statement Takedown Policy Browser Compatibility

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)

©2021 Government of Singapore
Last Updated 29 Oct 2019